

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans EZ Keperluan Asas Rumah.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Date: 01/01/2026

1. Apakah Insurans EZ Keperluan Asas Rumah?

Insurans EZ Keperluan Asas Rumah menyediakan perlindungan semua risiko untuk melindungi kandungan rumah anda daripada kejadian yang tidak dijangka. Anda boleh menyesuaikan pelan anda dengan memilih kategori kandungan rumah yang ingin dilindungi, dengan 4 pilihan yang tersedia:

- Peralatan Elektrik Rumah
- Barangan Rumah
- Sistem Keselamatan
- Sistem Hiburan

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium tahunan sebanyak RM 118.00 bagi Peralatan Elektrik Rumah (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem), anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil in meliputi:	Polisi/sijil in tidak termasuk:
Kehilangan atau kerosakan pada kandungan sehingga RM10,000 disebabkan oleh: • Kebakaran, kilat, kilatan Petir, Kebakaran bawah tanah • Letupan • Kerosakan pesawat udara • Kerosakan akibat hentaman oleh kenderaan jalan raya atau haiwan • Tangki, perkakas atau paip air pecah atau melimpah • Hurricane, cyclone, typhoon, windstorm • Gempa bumi atau letusan gunung berapi • Banjir • Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat • Runtuhan tanah dan penenggelaman • Kecurian atau percubaan kecurian • Kerosakan akibat kemalangan	• Peperangan atau risiko yang seumpamanya • Risiko radioaktif dan tenaga nuclear • Kerugian Akibat • Perampasan oleh pihak berkuasa • Kemerosotan dan kerosakan secara beransur-ansur • Pengubahsuaian dan perubahan • Kerosakan sengaja • Pemasangan dan pengubahsuaian kandungan • Perosak, haiwan peliharaan, dan tumbangnya pokok • Kandungan dikeluarkan • Sebarang tempoh rumah anda tidak didiami melebihi 90 hari berturut-turut dalam mana-mana satu tempoh insurans
Tempoh perlindungan insurans adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun. Perlindungan ini juga boleh didaftarkan untuk tempoh 6 bulan.	
Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.	
Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans EZ Keperluan Asas Rumah anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744) atau
603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msg.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msg-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans EZ Keperluan Asas Rumah, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard (Pelan 2) on (A) Peralatan Elektrik Rumah	: RM118.00 (setiap tahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Tolak Rebat 25%	: (RM29.50)
[^] Duti Setem	: RM10.00
Cukai Perkhidmatan (8%)	: RM7.08
Jumlah premium yang perlu dibayar	: RM105.58

[^] Pembayaran duti setem untuk premium tahunan tidak melebihi RM 150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Walau bagaimanapun, duti setem RM 10 perlu dibayar mulai 1/1/2029.

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Kelayakan - Anda mestilah seorang Warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah atau menetap di Malaysia, dan tanggungan anda Berumur antara 18 hingga 75 tahun pada tarikh permohonan.
- Perlindungan adalah berdasarkan asas kerugian pertama. Jika kerugian yang dilindungi melebihi had pelan yang anda pilih, anda perlu menanggung perbezaan kerugian tersebut.
- Pengurangan Automatik dalam Jumlah Diinsuranskan - selepas sebarang bayaran tuntutan, jumlah diinsuranskan bagi seksyen tersebut akan dikurangkan tanpa pilihan untuk dipulihkan.
- Had Pampasan - Hanya satu polisi boleh dibeli pada satu-satu masa. Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu polisi sedemikian, kami akan melindungi anda dengan manfaat tertinggi dan memulangkan premium yang berganda.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan hanya bermula selepas anda membayar premium.
- Tempoh Semakan Percuma - Kami akan memulangkan premium yang telah dibayar sekiranya anda membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari pertama selepas menerima polisi dan belum membuat sebarang tuntutan.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 75 tahun.
- Premium dan terma pembaharuan mungkin berbeza bergantung kepada sejarah tuntutan anda dan keperluan pengunderaitan kami.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan sepenuhnya kepada kami dalam tempoh 7 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda pada asas pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat dan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50.00. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.